

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-34

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke Tiga Puluh Empat akan diadakan di Auditorium, Tingkat 3, Bangunan Malaysian Re, No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur pada hari Isnin, 30 Julai 2007 pada jam 4.30 petang untuk tujuan-tujuan berikut:-

SEBAGAI URUSAN BIASA

1. Untuk menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2007 serta Laporan Juruaudit. **(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk meluluskan pengisytiharan dividen akhir sebanyak 26%, ditolak cukai sebanyak 27% bagi tahun berakhir 31 Mac 2007. **(Resolusi Biasa 2)**
3. Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 86, di bawah Tataurusan Pertubuhan:
 - (i) Y. Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin **(Resolusi Biasa 3)**
 - (ii) Tuan Haji Yusoff bin Yaacob **(Resolusi Biasa 4)**
 - (iii) Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor **(Resolusi Biasa 5)**
4. Untuk melantik semula Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud menurut Artikel 92 di bawah peruntukan Tataurusan Pertubuhan. **(Resolusi Biasa 6)**
5. Untuk meluluskan bayaran imbuhan para Pengarah sebanyak RM 923,350 bagi tahun berakhir 31 Mac 2007 (2006: RM745,400). **(Resolusi Biasa 7)**
6. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit dan membenarkan para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. **(Resolusi Biasa 8)**
7. Untuk mengendalikan sebarang urusan lain yang perlu dijalankan di Mesyuarat Agung Tahunan. **(Resolusi Biasa 9)**

SEBAGAI URUSAN KHAS

Untuk menimbang dan jika difikirkan wajar, meluluskan Resolusi berikut:

8. "BAHAWA, tertakluk sentiasa pada Akta Syarikat 1965, Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan, Pengarah-Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa, mengikut Seksyen 132D Akta Syarikat, 1965, untuk memperuntukkan dan menerbitkan saham-saham dalam Syarikat pada bila-bila masa sehingga penutup Mesyuarat Agung Tahunan dan mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang tertentu di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan sebagaimana diluluskan oleh pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Syarikat yang diadakan pada 22 Mei, 2003, dengan syarat bahawa jumlah agregat bilangan saham yang akan diterbitkan tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham Syarikat yang diterbitkan buat masa ini DAN BAHAWA Para Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan bagi penyenaaraan dan sebut harga untuk saham-saham tambahan yang akan diterbitkan tersebut pada Bursa Malaysia". **(Resolusi Biasa 10)**

Dengan Perintah Lembaga

NORAZMAN BIN HASHIM (MIA 5817)

LENA BINTI ABD LATIF (LS 8766)

Setiausaha-Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

11 Julai 2007